



Ruj. Kami : PPS.01/02/97 Jld 3 (1)
Tarikh : 25 Februari, 2022

SEMUA PERSATUAN SUKAN KEBANGSAAN

YBhg. Tan Sri / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PROSEDUR PERMOHONAN LESEN DAN KEBENARAN PENGANJURAN KEJOHANAN / PERTANDINGAN SUKAN TEMPATAN DAN ANTARABANGSA SERTA PEMATUHAN PROSEDUR OPERASI STANDARD SUKAN DAN REKREASI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan telah mengumumkan dan melaksanakan Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada 15 Jun 2021 dalam usaha menangani penularan Covid-19 dan membangunkan semula sektor ekonomi Negara. PPN dilaksanakan secara berfasa mengikut parameter-parameter tertentu dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).
3. Berdasarkan PPN SOP Fasa 4 bertarikh 11 Februari 2022 yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), penganjuran semua kejohanan atau pertandingan bersentuhan atau tidak bersentuhan fizikal, tempatan atau antarabangsa adalah dibolehkan **DENGAN KEBENARAN** Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS). Ini termasuklah penganjuran kejohanan/pertandingan/acara sukan massa dengan penyertaan **TERHAD** tidak melebihi 1,000 orang dalam satu-satu masa.
4. Namun, Pejabat ini mendapati masih ada permohonan penganjuran kejohanan/pertandingan sukan yang tidak mematuhi SOP yang ditetapkan. Selain itu, Pejabat ini juga masih menerima permohonan lewat, tidak lengkap serta tidak mematuhi syarat yang ditetapkan. Hal ini menyebabkan suatu permohonan kelulusan/kebenaran tidak dapat diberikan sebelum suatu tarikh penganjuran/kejohanan atau acara sukan dijadualkan.
5. Sebarang penganjuran acara sukan semasa PPN juga adalah tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan lain-lain arahan

pihak berkuasa tempatan dari semasa ke semasa. Perkara ini jelas dinyatakan di dalam SOP Sektor Sukan dan Rekreasi yang sedang berkuatkuasa.

6. Dalam memastikan semua penganjuran, kejohanan/pertandingan acara sukan sama ada di peringkat tempatan dan antarabangsa mematuhi Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576] dan SOP Fasa 4, pihak PJS telah menetapkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebelum sesuatu kebenaran dikeluarkan. Semua permohonan hendaklah dibuat menerusi sistem eROSA menerusi pautan <https://erosa.kbs.gov.my>. Permohonan penganjuran yang tidak mematuhi ketetapan yang digariskan tidak akan dipertimbangkan. Dokumen sokongan hendaklah disertakan bersama semasa permohonan dibuat melalui sistem **eROSA**.

7. Permohonan penganjuran acara sukan perlulah dibuat tidak kurang daripada **14 hari** sebelum kejohanan/pertandingan/acara bagi peringkat tempatan, manakala peringkat antarabangsa tidak kurang daripada **90 hari**. Penganjuran peringkat antarabangsa hendaklah mendapat kelulusan bertulis daripada Menteri Belia dan Sukan sepertimana peruntukan subseksyen 33 (1) Akta 576. Setiap penganjuran hendaklah menggunakan kaedah dan garis panduan antarabangsa yang diiktiraf untuk suatu pertandingan selaras Seksyen 34 Akta yang sama.

8. Berdasarkan Seksyen 36 Akta 576 dan Peraturan-Peraturan Pembangunan Sukan (Peleesen) 2019, mana-mana syarikat yang berhasrat mengadakan aktiviti atau menganjurkan pertandingan/kejohanan atau acara sukan perlu membuat permohonan mendapatkan lesen daripada PJS tidak kurang daripada **30 hari** sebelum pertandingan/kejohanan bagi peringkat tempatan dan tidak kurang daripada **90 hari** bagi peringkat antarabangsa.

9. Penganjuran oleh syarikat juga perlu mematuhi kaedah dan garis panduan antarabangsa yang diiktiraf untuk suatu pertandingan selaras peruntukan Seksyen 34 Akta 576, untuk itu pihak syarikat perlulah mendapat sanksi atau kebenaran daripada badan pengelola atau persatuan sukan berkaitan bagi acara yang hendak dianjurkan. Dalam perkara ini, perhatian dan kerjasama semua badan sukan pengelola amatlah penting, khususnya bagi memastikan penganjuran tersebut berjalan lancar, mematuhi peraturan-peraturan kejohanan yang diiktiraf, termasuk langkah-langkah keselamatan dan kesihatan peserta. Oleh itu, kerjasama pihak persatuan atau pengelola suatu sukan diharapkan dapat mengeluarkan sanksi/kebenaran kepada pihak pengajur/syarikat dalam tempoh yang singkat.

10. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri / Dato' / Datin / tuan / puan untuk memanjangkan perkara ini kepada semua ahli-ahli gabungan masing-masing, termasuk di peringkat

negeri, daerah/bahagian dan kelab. Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Pejabat Pesuruhjaya seperti berikut :


- (a) Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia ditalian 03-8994 4800;
- (b) Pejabat Pesuruhjaya Sukan Rantau Sabah ditalian 088-763 820; atau
- (c) Pejabat Pesuruhjaya Sukan Rantau Sarawak ditalian 082-237 543

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(IBRAMIM BIN MOHD YUSOF)
Pesuruhjaya Sukan Malaysia